

# Permintaan Suhakam sedia tempat untuk berhimpun diteliti

BH 21 APR 2001

KOTA BHARU, Jumaat – Kerajaan akan meneliti tuntutan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) berhubung permintaan menyediakan tempat khusus bagi membolehkan mereka berhimpun secara aman, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, golongan itu sebenarnya lebih berminat untuk mengadakan demonstrasi jalanan berbanding kawasan khas yang disediakan bagi tujuan berkenaan.

Sambil menegaskan prinsip demokrasi yang diamalkan kerajaan bukan bermakna rakyat boleh berbuat sesuka hati termasuk mengadakan demonstrasi jalanan, beliau berkata pilihan raya umum adalah saluran terbaik bagi rakyat membuat keputusan.

“Kita tak jadi macam negara lain yang mana kalau pemimpin nak diturunkan (diguling), (rakyat) kena memberontak atau

nak berperang... itu bukan caranya.

“Cara kita ialah kita ikut pilihan raya. Kalau dia (rakyat) suka kita dia pilih kita, kalau tak suka dia pilih orang lain,” katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2001 di Dewan Perbandaran Majlis Perbandaran Kota Bharu di sini, hari ini.

Semalam, Suhakam menerusi laporan tahunannya menyatakan beberapa desakan yang antara lain membabitkan kebebasan berhimpun, penahanan tanpa perbicaraan, kebebasan mengeluarkan pendapat dan hak perbicaraan adil.

Mengenai permintaan Suhakam meminta kerajaan mengkaji semula beberapa peruntukan perundangan termasuk Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan Akta Rahsia Rasmi (OSA) yang didakwa

menghadkan kebebasan awam, Dr Mahathir berkata itu adalah pandangan mereka.

“Bagi kita, kalau mana-mana pihak cuba menggunakan kebebasan dirinya dengan berbuat demikian, orang lain pula hilang kebebasan (dan) kita anggap itu tidak baik.

“Umpamanya, kalau diadakan demonstrasi di jalan raya, bukan saja kerajaan tapi pekedai dan peniaga kecil terancam.

“Mereka (peniaga) ni ibarat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Kalau tak boleh berniaga satu hari, dia tak ada pendapatan. Itulah sebabnya kita nak jaga kebebasan mereka dan tak boleh utamakan kebebasan orang yang nak berdemonstrasi.

“Kalau dia nak berdemonstrasi kat tengah laut atau di mana tak mengapa, jangan kacau orang lain sudah,” katanya.